



## PEJABAT DAERAH / TANAH HULU LANGAT



### NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat bertaraf pembekal tempatan di Negeri Selangor Darul Ehsan yang berkelayakan seperti jadual di bawah bagi menyertai sebut harga seperti berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Syarat-syarat Pendaftaran	Tarikh Pelawaan	Tarikh Tutup
PDHL 88/2022	<b>SEBUT HARGA PEMBEKALAN PERALATAN PERUBATAN DAN KOMPUTER KE ENAM (6) BUAH KLINIK KESIHATAN DI BAWAH KAWASAN PARLIMEN P102 BANGI</b>	1. Berdaftar dengan <b>Kementerian Kewangan Malaysia</b> di bawah kod bidang <b>050101 (Peralatan Hospital, Bahan dan Kelengkapan Hospital)</b> . 2. Berdaftar dengan <b>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b> 3. Berdaftar dengan <b>Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor</b>	8 OGOS 2022 (ISNIN)	<b>15 OGOS 2022 (ISNIN) jam 12.00 tengah hari</b>

#### Arahan kepada Penyebut harga:

1. Dokumen sebut harga boleh diperoleh secara atas talian melalui:  
<https://tender.selangor.my/>. Penyebut harga wajib telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan (kod Bidang **050101** berdaftar dengan SSM dan UPEN).
2. Dokumen / tawaran sebut harga yang telah lengkap diisikan dan dimeterai hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat berikut

**Bahagian Pembangunan  
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat  
Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat  
Bangunan Sultan Hishamuddin Alam Shah  
Persiaran Pusat Bandar 1 Seksyen 9  
43650 BANDAR BARU BANGI  
(u.p. : En. Mohd Na'aim Harun / Pn. Siti Zulaika Che Mohd Adnan)**

3. Dokumen perlu diserahkan pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup tender / sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
4. Penyebut harga hendaklah menyertakan dokumen seperti di bawah semasa menghantar tawaran sebut harga. Kegagalan menyertakan dokumen tersebut boleh menyebabkan tawaran sebut harga **TERBATAL**:
  - i. Lampiran Lampiran dokumen sebut harga
  - ii. Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia

- iii. Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
  - iv. Salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN Selangor
  - v. Profil Syarikat
  - vi. Cadangan Sebutharga
  - vii. Katalog berkaitan
5. Penyebut harga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam **Syarat-Syarat Am** di dalam Lampiran sebelum mengemukakan sebut harga. Jika sebut harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, sebut harga tersebut akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
6. Sebut harga perlu dihantar sebelum atau pada 15 Ogos 2022 sebelum jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang termurah/terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sebut harga. Kerajaan juga mengikut budi bicaranya tidak terikat untuk memberi maklum balas kepada sebarang bantahan yang mungkin diterima berkenaan sebut harga. Kerajaan juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada sebut harga dan segala keputusan Kerajaan adalah muktamad.
8. Tawaran sebut harga adalah tidak berjaya jika Penyebut harga tidak dihubungi dalam tempoh 14 hari dari tarikh tutup sebutharga.
9. Sebarang pertanyaan berhubung sebut harga boleh berhubung dengan **Encik Mohd Na'aim bin Harun / Pn. Siti Zulaika binti Che Mohd Adnan** di talian **03-8925 1992 sambungan 6900 atau 6610**.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(YUHANAS AUREE BIN KAMARUDDIN)**  
**KETUA PENOLONG PEGAWAI DAERAH (PEMBANGUNAN)**  
**b.p.: PEGAWAI DAERAH HULU LANGAT**  
**PEJABAT DAERAH/TANAH HULU LANGAT**